



Ruj. Tuan : PESB/DOSH/BOILER/0415-002
Ruj. Kami : JKKP IS 127/682/2-2015/366
Tarikh : 7 JUL 2015

Pengarah
Pioneer Engineering Sdn Bhd
No. 14, Level 1 & 2
Paka Business Centre
23100 Paka
Terengganu

Tuan,

PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR GAS

No. Pendaftaran : BP 21/366
Tempoh Kelulusan : 23 Jun 2015 hingga 22 Jun 2018

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah meluluskan permohonan pembaharuan pendaftaran syarikat tuan sebagai **Syarikat Kontraktor Gas** bagi skop berikut:-

i) GCP – Talian Paip

3. Kelulusan pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:-

- i. **Jabatan ini hendaklah diberitahu secara bertulis dengan segera sekiranya terdapat sebarang pertukaran, tambahan atau pemindahan pada nama syarikat, alamat dan pegawai teknikal. Adalah diingatkan bahawa Jabatan ini berhak untuk membatalkan pendaftaran ini jika pihak tuan gagal untuk memaklumkan dengan segera;**
- ii. Sebelum kerja-kerja pemasangan boleh dijalankan, pihak tuan mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran memasang (PTI) dari Jabatan ini;
- iii. Semua kerja-kerja kimpalan mestilah dibuat oleh pengimpal yang diluluskan oleh Jabatan atau pihak Badan Kuasa Memeriksa yang diiktiraf oleh Jabatan ini mengikut Spesifikasi Tatacara Kimpalan (*Welding Procedure Specification*) yang diluluskan. Semua kerja-kerja kimpalan hendaklah dijalankan di bawah penyeliaan yang rapi oleh pegawai kawalan mutu pihak tuan sendiri;

- iv. Pihak tuan juga mestilah memastikan semua **rekod laporan kerja (close out report)** yang telah disiapkan, disimpan secara tersusun dan sistematik bagi memudahkan proses semakan Jabatan. Sila pastikan kandungan setiap laporan kerja tersebut hendaklah merangkumi semua aktiviti pemeriksaan kawalan mutu yang dilakukan oleh pegawai kawalan mutu, termasuk Rekod Spesifikasi Tatacara Kimpalan (WPS), Rekod Ujian Kelayakan Pengimpal (WQT), Rekod Keja Pengimpal (Borang BP 1), Rekod Ujian Tanpa Musnah (NDE) dan Rekod Ujian Tekanan.
- v. Pihak tuan mestilah mematuhi semua kehendak-kehendak perundangan yang berkenaan dan peraturan-peraturan Jabatan ini yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.

4. Jabatan akan membuat audit pemantauan pematuhan syarikat tuan kepada syarat- syarat yang telah ditetapkan dalam surat kelulusan, pada bila-bila masa sepanjang tempoh kelulusan ini. **Kelulusan syarikat tuan boleh digantung sekiranya hasil dapatan audit pematuhan mendapati tuan gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.**

5. Kelulusan ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa tanpa diberi sebarang sebab oleh **Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Malaysia** sekiranya syarat-syarat di atas dan lain-lain syarat Jabatan ini tidak dipatuhi.

6. Pihak tuan perlu menghubungi jabatan ini **sekurang-kurangnya Sembilan puluh (90) hari** sebelum tarikh tamat kelulusan untuk tujuan kajisemula kelulusan yang diberi.

7. Sekiranya pihak tuan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat seperti di atas, sila maklumkan ke Jabatan ini secara bertulis dalam masa **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(IR. IBRAHIM BIN MD. DOL)

b/p Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Malaysia

- s.k.
- 1. Semua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri
 - 2. Ketua Seksyen Petroleum, Bahagian Keselamatan Petroleum
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Ibu Pejabat